

Gaya Fikiran dalam *Andai Itu Takdirnya*: Analisis Stilistik (Thought Presentation in *Andai Itu Takdirnya*: A Stylistic Analysis)

NURUL ATIQAHA NOR AZMAN ^{1*} & SHARIFAH RAIHAN SYED JAAFAR ¹

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Diserahkan: 2 Januari 2026 / Diterima: 21 April 2026

ABSTRAK

Gaya fikiran ialah teknik yang dimanfaatkan pengarang untuk mempersembahkan fikiran watak dalam teks. Kajian terdahulu cenderung kepada pengelasan kategori dan fungsi gaya fikiran serta kedudukan pengarang dalam teks namun kurang memberi perhatian kepada hubungan antara pola dan strategi gaya fikiran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola dan strategi fikiran langsung dengan menumpukan kepada klausa pelapor, khususnya jenis kata kerja dan kedudukan klausa dalam struktur fikiran langsung. Teks yang dikaji ialah prosa moden, *Andai Itu Takdirnya* (2008) oleh pengarang Siti Rosmizah Ismail dan tertumpu pada fikiran langsung oleh dua watak utama novel ini, iaitu Nur Aleya dan Syed Aizril dalam 14 bab terpilih. Analisis dijalankan berdasarkan pendekatan Leech dan Short (2007). Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan fikiran langsung lebih dominan bagi watak Aleya berbanding Syed Aizril. Pengarang juga tidak terikat kepada penggunaan kata kerja mental fikir sebaliknya menggunakan kata kerja verbal mental seperti *luah*, *gerutu*, *bisik* yang digandingkan dengan klausa *di dalam hati* untuk menyampaikan fikiran watak. Klausa pelapor didapati lebih dominan pada kedudukan akhir yang berfungsi untuk mengutamakan kandungan fikiran watak sebelum diperkukuh dengan maklumat tambahan. Strategi ini meningkatkan kesan dramatik dan realistik dalam teks. Kajian ini menyumbang kepada analisis stilistik yang sistematik dan holistik kepada teks Melayu dalam konsep gaya fikiran.

Kata Kunci: ujaran; gaya fikiran; fikiran langsung; klausa pelapor; stilistik

ABSTRACT

Thought presentation refers to the technique used by the author to present characters' thoughts in text. Previous studies have largely focused on the categorisation and functions of thought presentation, also the positioning of the author but have paid limited attention to the relationship between patterns and strategies of thought presentation. This study aims to analyse the patterns and strategies of direct thought with an emphasis on reporting clauses, specifically the types of verbs used and the positions of clauses within the structure of direct thought. The text analyzed is modern prose, *Andai Itu Takdirnya* (2008) by Siti Rosmizah Ismail. This study focuses on the direct thoughts of the novel's two main characters, Nur Aleya and Syed Aizril, in 14 selected chapters. The analysis is conducted based on the framework of speech and thought presentation by Leech and Short (2007). The findings indicate that direct thought is more frequently employed in Nur Aleya compared to Syed Aizril. The author is not confined to the use of typical mental verbs, *fikir* but utilises the verbal-mental verbs such as *luah*, *gerutu* and *bisik* combined with clause *di dalam hati* to convey the character's internal states. Reporting clauses are dominant in final position functioning to foreground the content of thought before being reinforced by additional information. This strategy enhances both dramatic and realistic effects in the texts. This study contributes to a holistic and systematic stylistic analysis of Malay text within the framework of thought presentation.

Keywords: utterance; thought presentation; direct thought; reporting clause; stylistics

* Penulis Koresponden: na.nurulatiqahazman@gmail.com

PENGENALAN

Makalah ini meneliti ujaran (*utterance*) dalam prosa moden. Prosa moden merujuk novel atau cerpen dan dalam kajian ini novel *Andai Itu Takdirnya* oleh pengarang prolific dan *best-seller*, Siti Rosmizah Ismail digunakan sebagai data kajian. Ujaran yang ditumpukan dalam kajian ini merujuk pada ujaran dalaman, iaitu gaya fikiran (*thought presentation*). Dalam analisis prosa moden, perhatian terhadap ujaran watak sering mengatasi penelitian terhadap gaya fikiran, walaupun kedua-duanya merupakan medium utama pembinaan makna dalam teks sastera. Kebergantungan terhadap dialog yang menyerupai realiti perbualan menyebabkan dimensi kognitif watak kurang diberikan penekanan, sedangkan gaya fikiran berperanan penting dalam menzahirkan emosi, motivasi dan konflik dalaman yang tidak diluahkan secara verbal (Shafira et al., 2024; Leech & Short, 1981). Tambah Mohammad Fadzeli Jaafar (2024), persembahan fikiran biasanya ditemui dalam karya fiksi berbanding genre lain. Pengarang yang menggunakan gaya fikiran berdasarkan teknik tertentu menggunakan sudut pandangan ketiga serba tahu kerana logiknya pemikiran seseorang tidak dapat diketahui. Namun, kuasa pengarang serba tahu membolehkan fikiran watak diakses dan disampaikan dengan cara yang mudah untuk difahami dan dirasai fungsi dan kesannya oleh pembaca. Untuk lebih jelas lagi, perhatikan contoh di bawah, yang menggambarkan perasaan watak yang tidak dijelaskan melalui ujaran:

- i. Umi tahukah kau betapa hancurnya hati aku di kala ini. Bukan senang untuk berhadapan dengan kenyataan yang aku telah diperkosa oleh suamiku sendiri. Aku telah diperlakukan dengan begitu hina sekali. Jijik sungguh perbuatannya padaku.
Siang tadi aku tak dapat mengawal diriku. Aku malu pada diri sendiri. Aku malu pada kau. Aku malu pada keluargaku tapi kini aku semakin tenang. Selepas bermunajat pada ALLAH aku mula tunduk dan akur pada ketentuannya. Ini ujianku. Aku harus tabah dan kalau aku boleh berjanji, aku ingin berjanji aku tidak mahu menyusahkan kau lagi, sahabatku, luah Aleya di dalam hati. [FL, 63, 116].

Contoh (i) memperlihatkan pernyataan yang berlaku dalam fikiran penutur. Contoh (i) disampaikan secara langsung oleh pengarang dan memetik terus perkara difikirkan watak tanpa tapisan pengarang. Watak Aleya bukan sahaja berkata-kata di dalam fikirannya tetapi pembaca memahami perasaan sebenar yang dirasainya tanpa dikongsi kepada kawannya, Umairah. Ujaran ini tidak dilafazkan secara verbal dan berlaku pada peringkat monolog dalaman, iaitu watak berkata pada dirinya sendiri. Ujaran seperti ini disebut sebagai fikiran langsung menurut Leech dan Short (1981) dan Short (1996). Fikiran langsung ialah ujaran yang tidak diujarkan oleh watak secara lisan dan tidak didengari. Ujaran sebegini digunakan oleh pengarang apabila watak tidak berupaya meluahkan perasaan secara terbuka atau verbal atas sebab-sebab tertentu (Shahid Ahmad & Shanthi Nadarajan, 2020). Dalam konteks contoh di atas, watak Aleya berasa malu untuk menceritakan perkara yang mengaibkan dirinya.

Dalam contoh di atas, persembahan kategori fikiran langsung membolehkan perasaan, tanggapan mahupun tindakan watak boleh ditunjukkan mengikut fungsi dan makna yang dipilih pengarang. Kajian terhadap unsur bahasa fikiran langsung bukanlah sesuatu baharu dan telah menjadi tumpuan pengkaji stilistik di barat sejak tiga dekad yang lalu (Bray, 2014). Hal ini disebabkan pembaca teks fiksi memahami bahawa fikiran seseorang boleh dipersembahkan dalam karya sastera (Mahmoud A., 2019).

Berdasarkan contoh (i), struktur fikiran langsung terdiri daripada dua elemen utama, iaitu kandungan fikiran dan klausa pelapor. Kandungan fikiran merujuk maklumat yang disampaikan pengarang, manakala klausa pelapor berfungsi memperkukuh penyampaian makna dengan membekalkan maklumat tentang pemilik fikiran serta cara fikiran tersebut disampaikan (Muneeba & Abbas, 2025). Dalam konteks ini, klausa pelapor bukan sekadar unsur pelaporan, tetapi merupakan komponen linguistik yang memainkan peranan penting dalam membentuk interpretasi makna. Hal ini kerana makna tidak hanya terletak pada kandungan fikiran, tetapi turut dibina melalui pilihan kata kerja dalam klausa pelapor serta kedudukannya dalam struktur fikiran langsung, sama ada di awal, tengah atau akhir. Variasi ini secara langsung mempengaruhi kesan yang dihasilkan termasuk kesan emosi, dramatik dan psikologi watak.

Kajian tentang gaya fikiran telah lama menjadi tumpuan dalam bidang stilistik, khususnya melalui kerangka Geoffrey Leech dan Mick Short (1981, 2007), namun kebanyakan kajian masih menumpukan kepada pengelasan kategori dan fungsi gaya fikiran tanpa meneliti secara mendalam mekanisme linguistik yang membina kesan stilistik. Akibatnya, peranan klausa pelapor sebagai unsur yang menghubungkan struktur linguistik dengan pembinaan makna masih kurang dihuraikan secara sistematik terutama dalam konteks sastera Melayu. Oleh itu, kajian ini memanfaatkan novel *Andai Itu Takdirnya* karya Siti Rosmizah Ismail sebagai data kajian untuk meneliti secara khusus bagaimana gaya fikiran langsung dimanfaatkan melalui pola dan strategi linguistik, khususnya klausa pelapor.

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun pendekatan Geoffrey Leech dan Mick Short (1981, 2007) telah memperincikan pengelasan kategori serta fungsi gaya fikiran secara sistematik, kebanyakan kajian terdahulu masih cenderung mengaplikasikan kerangka ini pada tahap deskriptif, khususnya dalam mengenal pasti dan mengkategorikan bentuk-bentuk gaya fikiran dalam teks. Pendekatan sedemikian penting sebagai asas analisis gaya fikiran tetapi masih belum memadai untuk menjelaskan bagaimana makna stilistik dibina secara dinamik melalui hubungan antara unsur linguistik dalam struktur fikiran.

Secara khusus, penelitian terhadap gaya fikiran dalam kajian terdahulu lebih menumpukan kepada dimensi makro seperti jenis kategori dan fungsi naratif, manakala dimensi mikro linguistik yang membentuk struktur gaya fikiran, seperti struktur klausa pelapor, masih kurang diberi perhatian secara mendalam. Hal ini menyebabkan analisis gaya fikiran sering terhad kepada pengenalan bentuk tanpa menghuraikan secara sistematik bagaimana pilihan linguistik tertentu menyumbang kepada pembinaan kesan stilistik, termasuk kesan emosi, dramatik dan psikologi watak.

Dalam konteks ini, klausa pelapor merupakan komponen penting yang berperanan sebagai penghubung antara struktur sintaktik dan kandungan kognitif watak. Nishio (2005) menyatakan klausa pelapor berperanan untuk mendedahkan ciri linguistik pengarang dan hubungan antara watak. Tambahnya, analisis klausa pelapor membolehkan pembaca mengetahui perasaan terpendam watak terhadap sesuatu perkara. Namun, aspek seperti pemilihan jenis kata kerja dalam klausa pelapor serta kedudukannya dalam struktur fikiran langsung masih belum dianalisis secara menyeluruh dalam kajian-kajian terdahulu. Kajian terdahulu melabelkan klausa pelapor sebagai salah satu ciri pengenalan kepada kategori fikiran langsung tanpa meneliti peranan makna yang ada. Kekurangan ini mengakibatkan hubungan antara pola penyampaian fikiran dan strategi

linguistik tidak dapat dijelaskan secara empirikal, sekali gus membataskan pemahaman tentang bagaimana kesan stilistik dibina secara sistematik dalam teks sastra.

Tambahan pula, ketiadaan analisis yang menghubungkan aspek leksikal dan sintaktik dalam kerangka yang sama memperlihatkan bahawa kajian gaya fikiran masih bersifat terpisah antara tahap struktur dan tahap makna. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk mengembangkan pendekatan sedia ada dengan meneliti interaksi antara unsur mikro linguistik sebagai mekanisme utama dalam pembinaan makna.

Sehubungan itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis gaya fikiran langsung dalam novel *Andai Itu Takdirnya* melalui penumpuan terhadap klausa pelapor, khususnya dari sudut jenis kata kerja dan kedudukannya dalam struktur fikiran langsung. Analisis ini bertujuan untuk menjelaskan hubungan sistematik antara pilihan linguistik dan pembinaan makna, sekali gus memperluas pemahaman terhadap fungsi gaya fikiran dalam teks sastra Melayu.

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai gaya fikiran dalam bidang stilistik telah berkembang secara signifikan, khususnya berasaskan kerangka yang diperkenalkan oleh Leech dan Short (1981, 2007). Secara umum, kebanyakan kajian terdahulu tertumpu pada aspek pengkategorian bentuk gaya fikiran serta penghuraian fungsi naratifnya dalam teks sastra. Pendekatan ini memperlihatkan kecenderungan analisis pada tahap deskriptif, iaitu mengenal pasti kategori seperti fikiran langsung, fikiran tidak langsung dan variasinya, tanpa meneliti secara mendalam mekanisme linguistik yang mendasari pembinaan makna stilistik.

Sebahagian besar kajian lepas dalam bidang ini boleh dibahagikan kepada dua kecenderungan utama. Pertama, kajian yang menumpukan kepada satu bentuk gaya fikiran tertentu, sama ada fikiran langsung atau tidak langsung. Kedua, kajian yang menganalisis keseluruhan kategori gaya fikiran berdasarkan model Leech dan Short (1981, 2007). Kajian-kajian seperti Shafira et al. (2024), Ahmed dan Mohammadzadeh (2023), Hanif et al. (2023), Adiningtyas (2020), Ajmal dan Afsar (2020) serta Istianah (2018) memperlihatkan bahawa analisis gaya fikiran lazimnya dilakukan dengan mengkategorikan data berdasarkan ciri grafologi, leksikal dan tatabahasa, diikuti dengan penghuraian fungsi setiap kategori dalam membina naratif.

Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kajian-kajian ini menunjukkan bahawa analisis yang dijalankan masih terbatas pada tahap pengenalan bentuk dan fungsi umum. Sebagai contoh, Shafira et al. (2024) dan Ahmed dan Mohammadzadeh (2023) mendapati dominasi bentuk fikiran tidak langsung dan fikiran tidak langsung bebas dalam teks kreatif, yang dikaitkan dengan kehadiran suara pengarang dalam laporan fikiran. Hanif et al. (2023) pula menunjukkan penggunaan kesemua kategori gaya fikiran dalam teks *A Thousand Splendid Suns*, namun analisis yang dilakukan masih tertumpu kepada fungsi kategori tanpa meneliti secara mendalam aspek mikro linguistik yang membentuk penyampaian fikiran tersebut.

Terdapat juga kajian yang mula memberi perhatian kepada unsur leksikal, khususnya kata kerja yang digunakan dalam pelaporan fikiran. Contohnya, Adiningtyas (2020) menyenaraikan variasi kata kerja yang digunakan untuk menggambarkan proses mental watak, sekali gus menunjukkan bahawa penyampaian fikiran tidak terhad kepada kata kerja mental tipikal. Namun, perbincangan ini masih bersifat terpisah kerana tidak dihubungkan secara sistematik dengan struktur sintaktik khususnya klausa pelapor. Hal yang sama dapat diperhatikan dalam kajian Ajmal

dan Afsar (2020) serta Istianah (2018), yang lebih menumpukan kepada kecenderungan penggunaan kategori gaya fikiran tanpa mengaitkan analisis bentuk linguistik dengan pembinaan makna.

Dalam konteks ini, Nishio (2005) menegaskan bahawa walaupun kajian tentang ujaran dilaporkan (*reported speech*) telah berkembang dengan meluas, penelitian terhadap klausa pelapor (*reporting clause*) masih berada pada tahap yang sederhana. Klausa pelapor lazimnya dianggap sebagai penanda kategori semata-mata, sedangkan unsur ini sebenarnya berperanan penting dalam mendedahkan hubungan antara watak serta keadaan psikologi yang tersirat. Kekurangan perhatian terhadap aspek ini menyebabkan hubungan antara pilihan linguistik dan kesan stilistik tidak dapat dijelaskan secara menyeluruh.

Selain itu, analisis gaya fikiran dalam konteks tempatan masih terhad. Kajian oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2006, 2016) menunjukkan bahawa pemilihan kata kerja serta kedudukan klausa pelapor dalam teks klasik seperti *Hikayat Hang Tuah* mempunyai implikasi makna khususnya dalam menggambarkan aspek kuasa dan status. Dapatan ini membuktikan bahawa unsur mikro linguistik memainkan peranan penting dalam pembinaan makna namun pendekatan ini masih belum diperluaskan secara sistematik dalam analisis teks moden, khususnya dalam karya sastera popular Melayu.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu memperlihatkan jurang yang jelas iaitu ketiadaan analisis yang menghubungkan secara bersepadu aspek leksikal dan sintaktik dalam kerangka yang sama. Kebanyakan kajian masih memisahkan analisis struktur daripada analisis makna sekali gus menyebabkan mekanisme pembinaan kesan stilistik tidak dihuraikan secara mendalam. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengembangkan pendekatan sedia ada dengan meneliti interaksi antara unsur mikro linguistik, khususnya kata kerja dan kedudukan klausa pelapor sebagai strategi utama dalam pembinaan makna dan kesan dalam teks sastera.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang holistik dan empirikal tentang gaya fikiran dalam teks kreatif moden pengarang Melayu. Kajian ini dapat memberi gambaran tentang teknik yang digunakan oleh pengarang Melayu, terutama teks *best-seller* dan *popular* untuk menyampaikan fikiran watak. Fokus kajian ini bukan sahaja pada konvensi fikiran langsung dan fungsinya tetapi menganalisis kedudukan klausa pelapor serta kata kerja yang terkandung dalam binaan klausa pelapor. Analisis dijalankan berdasarkan analisis stilistik yang merangkum tiga peringkat prosedur analisis iaitu deskripsi, interpretasi dan penilaian. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengenal pasti pola fikiran langsung dalam *Andai Itu Takdirnya*
- b. Menghuraikan strategi fikiran langsung dalam *Andai Itu Takdirnya*
- c. Menilai kesan pilihan pola dan strategi fikiran langsung pengarang *Andai Itu Takdirnya*

METODOLOGI KAJIAN

PENGARANG DAN TEKS KAJIAN

Stilistik, walaupun secara tidak menyuluruh, tumpuan utamanya ialah analisis kepada teks sastera sama ada puisi, cerpen mahupun novel (Burke, 2014). Oleh itu, kajian ini telah memilih novel *Andai Itu Takdirnya* (2008) oleh Siti Rosmizah Ismail sebagai data kajian. Pemilihan teks ini bersandarkan pada kedudukannya sebagai karya prosa moden popular yang signifikan dalam konteks penerimaan pembaca di Malaysia.

Novel ini merupakan novel pertama Siti Rosmizah yang telah mengangkatnya sebagai salah satu pengarang *best-seller* tempatan. Pengiktirafan terhadap penulis ini dibuktikan melalui penerimaan Anugerah Buku Pilihan Pembaca – Popular *Berita Harian* (2009) kategori fiksyen Melayu dan Anugerah Buku Negara (2017). Selain itu, novel *Andai Itu Takdirnya* mencatatkan jumlah cetakan melebihi 150 000 naskhah sejak penerbitannya, di samping diulang cetak semasa tahun adaptasi ke medium drama. Kejayaan penulis novel ini dapat dilihat apabila setiap hasil jualannya akan terjual lebih daripada 50, 000 naskhah (Hafizah Iszhanid, 2016) dan novel *Andai Itu Takdirnya* juga mencatatkan jualan tertinggi di Malaysia setakat ini (Mohd Shahremy Ikmal, 2021). Pencapaian ini menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi serta memperkukuh kewajaran teks ini sebagai data kajian.

Dari sudut stilistik, pemilihan teks yang signifikan serta mempunyai nilai stilistik dan menonjol dari aspek gaya bahasa adalah penting (Mohammad Fadzeli Jaafar 2014). Dalam hal ini, *Andai Itu Takdirnya* memperlihatkan penggunaan gaya ujaran dan gaya fikiran yang berfungsi dalam pembinaan makna dan kesan serta pengembangan watak. Justeru itu, teks ini sesuai dianalisis untuk menjawab mengapa dan bagaimana pengarang memanfaatkan unsur bahasa tertentu dalam kerangka stilistik.

Teks ini terdiri daripada 58 bab dan 583 muka surat. Namun, kajian ini hanya memilih 14 bab awal yang berfungsi untuk perkembangan konflik naratif. Pemilihan bahagian ini adalah berasaskan kepentingannya memperkenalkan watak selain mengembangkan sifat dan emosi watak yang penting untuk plot ketegangan. Selain itu, analisis dibataskan kepada fikiran langsung dua watak utama iaitu, Syed Aizril dan Aleya. Fikiran dua watak utama ini konsisten dipersembahkan dalam data kajian dan pengarang memanfaatkan dua watak ini untuk melaporkan fikiran watak.

Novel ini mengangkat tema percintaan yang berlatarkan perbezaan status sosial. Dalam konteks kajian ini, penekanan diberikan kepada cara pengarang memanfaatkan gaya fikiran watak dalam bentuk langsung dalam membina konflik dan bukannya aspek tema secara langsung. Oleh itu, pemilihan bab ini adalah selaras dengan objektif kajian yang untuk meneliti pola dan strategi ujaran fikiran langsung dalam prosa teks moden Melayu.

PENCERAKINAN DAN PENGANALISISAN DATA

Secara keseluruhannya terdapat 127 muka surat untuk keseluruhan 14 bab data kajian. Seperti dinyatakan Short (1996), novel merupakan prosa yang sangat kompleks dari segi struktur wacana. Malah, Mohammad Fadzeli Jaafar (2017) menyatakan analisis terhadap teks sastera tertumpu kepada bab atau segmen tertentu supaya dapat menghasilkan analisis yang sistematik dan objektif. Kajian terdahulu juga menganalisis bab tertentu dalam kajian mereka. Oleh itu, data ini mencukupi dan signifikan menunjukkan bagaimana dan mengapa pengarang menggunakan strategi tertentu untuk melaporkan fikiran watak.

Peringkat awal kajian, pengkaji membaca keseluruhan novel dan langkah ini telah digariskan oleh Leech et.al. (1993) sebagai salah satu langkah pertama untuk mengkaji teks sastera. Langkah ini telah diterapkan oleh pengkaji lepas seperti Shafira et.al (2024), Zebari, A. et.al (2021) dan Adiningtyas et.al (2020) yang dilakukan sebanyak dua atau tiga kali sebelum mengenal pasti dan menyenaraikan unsur bahasa yang signifikan dan relevan. Pembacaan menyeluruh data kajian membantu pengkaji memahami teks dan menganalisis berdasarkan konteks dan makna.

Kajian ini telah mengenal pasti unsur bahasa yang signifikan iaitu kategori fikiran langsung bagi kedua-dua watak utama, Syed Aizril dan Nur Aleya. Kategori ini digunakan dengan dominan dan kerap oleh pengarang untuk mempersembahkan pernyataan fikiran watak dan memberikan nilai estetika kepada teks berbanding kategori gaya fikiran yang lain. Watak Syed Aizril dan Nur Aleya dianggap watak utama, atau digambarkan sebagai watak dinamik. Watak dinamik ialah watak dalam sesebuah cereka atau drama yang berkembang atau berubah sama ada daripada segi psikologi dan aksi serta sikap (Safian Hussain et al. 2022).

Seterusnya, bagi memudahkan perbincangan dan membuat rujukan, kesemua data fikiran langsung dalam data kajian ini telah dianalisis dengan menanda data fikiran langsung untuk kedua-dua watak seperti contoh di bawah:

- ii. Pasti barangan kaca kerana bunyi yang kuat semasa terjatuh tadi, bisik Aleya di dalam hati. [FLA1, 1, 1]
- iii. Aku akan pastikan kau akan tersungkur di kaki aku, Leya. Siang malam hanya aku yang akan ada dalam ingatan kau. Aku tahu, kau menyukai aku. Aku pasti itu, Syed Aizril bermonolog dengan wajah yang sukar ditafsirkan. [FLSA3, 4, 36]

Singkatan FLA1 dalam contoh (ii) bermaksud fikiran langsung (FL), Aleya (A), dan angka 1 itu bermaksud fikiran langsung Aleya yang pertama dalam kiraan data kajian keseluruhan, dan dua nombor satu (1) yang seterusnya menandakan bab pertama (1) dan muka surat pertama (1). Tujuan penandaan seperti ini adalah untuk memudahkan pengkaji mengetahui jumlah fikiran langsung yang diujarkan oleh dua watak utama ini, Nur Aleya dan Syed Aizril selain untuk menjadikannya lebih sistematik dan mudah dirujuk bab serta muka surat seberapa dibincangkan dalam kajian ini. Bagi contoh (iii), FLSA2 bermaksud FL (fikiran langsung), SA (Syed Aizril) dan angka 2 bermaksud fikiran langsung kedua Syed Aizril dalam kiraan data kajian. Kemudian, angka 4 menandakan bab keempat daripada 14 bab data kajian dan angka 36 ialah muka surat bagi data kajian tersebut.


Seterusnya, data kajian dimuatkan dalam jadual untuk proses pengiraan kekerapan (rujuk JADUAL 1). Setiap angka kekerapan akan dikira peratusannya untuk melihat kecenderungan pengarang menggunakan unsur bahasa pilihan terhadap dua watak utama, Syed Aizril dan Aleya. Angka kekerapan ini menjadi bukti konkrit kepada gaya pengarang. Hal ini dinyatakan oleh Leech dan Short (2007) bahawa bukti kuantitatif penting dalam analisis stilistik. Kajian-kajian terdahulu juga mengkategorikan dan mengira angka kekerapan yang disusuli dengan angka peratusan untuk mengetahui kecenderungan pengarang dalam memilih unsur bahasa tertentu.

Pengenalpastian kategori fikiran langsung bagi kedua-dua watak dijalankan berdasarkan pendekatan yang diperkenalkan oleh Leech dan Short (2007). Leech dan Short (2007) telah membahagikan konsep ini kepada dua gaya utama iaitu gaya ujaran dan gaya fikiran. Kedua-dua gaya ini kemudiannya dibahagikan kepada lima kategori bagi setiap gaya, iaitu untuk gaya fikiran, Leech dan Short membahagikan kepada kategori fikiran langsung, fikiran langsung bebas, fikiran

tidak langsung, fikiran tidak langsung dan laporan naratif lakuan fikiran (rujuk RAJAH 1). Kajian ini menumpukan kepada satu kategori sahaja, iaitu fikiran langsung atau menurut Mohammad Fadzeli Jaafar (2006), kategori ini dikenali sebagai ujaran langsung terpendam.

Setelah pengiraan kekerapan dilakukan, pengkaji menganalisis pola dan strategi ujaran yang digunakan pengarang untuk kategori fikiran langsung sebelum menilai kesan pemilihan pola dan strategi ujaran tertentu oleh pengarang. Analisis stilistik yang dijalankan dalam kajian ini dapat memperlihatkan strategi pengarang Melayu memanfaatkan unsur bahasa tertentu untuk mempersembahkan cerita.

PENDEKATAN KAJIAN



RAJAH 1. Pendekatan Gaya Fikiran (Leech dan Short, 2007)

Pendekatan Leech dan Short (2007) menggariskan pendekatan gaya ujaran (*speech presentation*) dan gaya fikiran (*thought presentation*) terdiri daripada lima kategori setiap gaya dan kajian ini menganalisis gaya fikiran sahaja. Lima kategori gaya fikiran ialah fikiran langsung, fikiran langsung bebas, fikiran tidak langsung, fikiran tidak langsung bebas dan laporan naratif lakuan fikiran. Kajian ini menumpukan kajian kepada kategori fikiran langsung. Leech dan Short (2007) menyatakan kelima-lima kategori ini boleh dibezakan berdasarkan tiga cara iaitu tatabahasa, grafologi dan leksikal.

Perbezaan fikiran langsung dan fikiran tidak langsung ialah fikiran langsung menyampaikan fikiran watak tanpa tapisan pengarang manakala fikiran tidak langsung memperlihatkan wujudnya campur tangan pengarang untuk melaporkan pernyataan fikiran watak. Selain itu, fikiran langsung ditulis mirip seperti ayat dialog (ujaran) manakala fikiran tidak langsung dinyatakan dalam bentuk ayat penyata. Misalnya dalam contoh di bawah:

- iv. Mungkin selama ini Aleya sudah terbiasa berdikari hinggakan terbawa-bawa hingga sekarang ini, fikir Syed Aizril secara positif.
- v. Syed Aizril berfikir secara positif bahawa kemungkinan selama ini Aleya sudah terbiasa berdikari hinggakan terbawa-bawa hingga sekarang.

Pertamanya, kehadiran kata kerja mental *fikir* dalam contoh (iv) menandakan ujaran ini diujarkan pada peringkat kognitif sahaja. Struktur fikiran langsung menurut Leech dan Short (2007) ialah klausa pelapor (*X + kata kerja mental*) dan pernyataan fikiran. X merujuk maklumat penutur. Contoh dalam (iv), X tersebut milik Syed Aizril serta kata kerja mental ditandai oleh kata kerja *fikir*. Menurut Hanif et.al (2023), fikiran langsung menunjukkan pengarang betul-betul mencerminkan fikiran watak seperti dalam contoh (iii) pengarang mendedahkan tanggapan Syed Aizril tentang tindakan Nur Aleya, isterinya yang ke klinik sendiri. Dalam Leech dan Short (2007), contoh fikiran langsung iaitu *He wondered, 'Does she still love me?'* menunjukkan pengarang menggunakan kata ganti nama pertama *me* seolah watak berbicara sendiri disertakan dengan kata kerja mental *wondered* dan tanda petik tunggal sebagai penanda fikiran langsung. Pengarang *Andai Itu Takdirnya* menggunakan kata ganti nama pertama *aku* dan melaporkan fikiran langsung tanpa tanda petik.

Contoh (iv) pula ialah bentuk tidak langsung sekiranya pengarang menulis fikiran Syed Aizril berdasarkan kategori fikiran tidak langsung, iaitu wujudnya penambahan kata hubung komplemen bahawa seperti contoh Leech dan Short (2007) wujudnya penambahan *if*, iaitu *He wondered if she still loved him*. Kategori fikiran tidak langsung mempunyai klausa pelapor pengenalan (*introductory reporting clause*), *Syed Aizril berfikir*, subordinat eksplisit (*explicit subordination*), bahawa, dan bentuk deklaratif (*declarative form*) untuk pernyataan fikiran.

Seterusnya, perbezaan kategori fikiran langsung dan fikiran langsung bebas ialah fikiran langsung bebas tidak mempunyai klausa pelapor yang terdiri daripada kata kerja mental (*fikir*) dan maklumat penutur (Istianah, 2018) seperti dalam contoh di bawah:

- vi. Hisy, dia ni asyik pandang aku semacam aje kenapa? Agaknya nak tengok sama ada muka aku lebam ke tak? Takkan dia tak nampak? Tak ada kesan pun. Jangan-jangan dia nak suruh aku kemas katilnya tak? Tapi aku tak berani nak pegang barang dia. Kang tak pasal-pasal kena penampar lagi, lantaklah.

Dalam contoh (vi), tidak wujud kata kerja mental *fikir* dan maklumat pemilik ujaran sama ada pada pola kedudukan awal, akhir mahupun tengah. Ahmed & MohammadZadeh (2023) menyatakan ketidakhadiran klausa pelapor dan tanda petik merupakan penanda kepada fikiran langsung bebas. Penggunaan kata ganti nama *aku* menandakan ujaran ini dipetik sendiri daripada fikiran watak tanpa ditapis oleh pengarang dan masih dinyatakan dalam bentuk seakan-akan bentuk dialog. Kajian terdahulu seperti dalam kajian Ahmeh & MohammadZadeh (2023) menemukan pengarang menggunakan teknik *italics* untuk membezakan fikiran langsung bebas dan ujaran langsung bebas, merujuk dialog dan pernyataan fikiran watak. Teknik *Italics* memudahkan kategori gaya fikiran dikenali.

Kategori fikiran tidak langsung bebas memperlihatkan ketidakhadiran klausa pelapor dan tanda petikan yang hampir serupa daripada segi konvensi. Namun, perbezaan dapat dilihat pada penggunaan kata ganti nama, fikiran langsung bebas menggunakan kata ganti nama ketiga misalnya dalam contoh ini.

vii. Benarkah Syed Aizril sememangnya mencintai Aleya?

Contoh (vii) memaparkan fikiran seseorang yang menyoalkan rasa cinta watak lain kepada watak lain yang disampaikan menggunakan kata ganti nama ketiga merujuk dia (*Syed Aizril, Aleya*). Dalam teks bahasa Inggeris, Leech dan Short (2007) menyatakan fikiran tidak langsung bebas dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama ketiga, bentuk naratif dan kala lepas misalnya, *did she still love him?* (2007:271). Contoh (vii) dinyatakan dalam bentuk interogatif, merujuk persoalan yang berada dalam kognitif watak.

Kategori terakhir dalam gaya fikiran berdasarkan pendekatan Leech dan Short (2007) ialah laporan naratif lakuan fikiran. Kategori ini hanya melaporkan bahawa wujudnya fikiran watak tetapi tidak dinyatakan kandungan fikiran termasuk klausa pelapor contohnya seperti berikut:

viii. Dia berfikir tentang cinta Syed Aizril kepada Aleya.

Contoh (viii) menceritakan watak tertanya-tanya tentang cinta Syed Aizril kepada Aleya, isteri Syed Aizril. Leech dan Short (2007) menyertakan contoh *He wondered about her love for him* yang dikategorikan sebagai laporan naratif lakuan fikiran. Leech dan Short (2007) menyatakan kategori ini hanya memaparkan maklumat yang minimum sahaja. Setiap pengarang mempunyai gaya pilihan sendiri untuk melaporkan fikiran watak misalnya dalam teks *Andai Itu Takdirnya* pengarang secara konsisten melaporkan fikiran langsung tanpa tanda petik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBICANGAN

Sebagaimana yang dihuraikan di atas bahawa kajian ini membataskan analisis fikiran langsung bagi kedua-dua watak utama iaitu Syed Aizril dan Nur Aleya. Berikut merupakan taburan penggunaan fikiran langsung bagi kedua-dua watak:

JADUAL 1. Taburan Fikiran Langsung

Watak	Jumlah	Peratus
Nur Aleya	34	70.8
Syed Aizril	14	29.2
Jumlah	48	100%

Jadual 1 memaparkan kekerapan fikiran langsung untuk dua watak utama, Nur Aleya dan Syed Aizril yang diekstrak daripada 14 bab awal novel *Andai Itu Takdirnya*. Seperti yang dapat dilihat di dalam jadual 1, pengarang memanfaatkan sebanyak 34 pernyataan fikiran langsung untuk watak Nur Aleya dan 14 penggunaan untuk watak Syed Azril. Penggunaan fikiran langsung yang dominan bagi watak Nur Aleya selari dengan perwatakan Aleya yang digambarkan sebagai seorang perempuan yang berpendidikan tetapi seorang yang penyabar, pendiam, polos dan mudah ditindas (Shahremy Ikmal, 2021). Mohammad Fadzeli Jaafar (2017) menyatakan bahawa pengarang karya fiksiyen menggambarkan apa-apa yang sedang berlaku dalam fikiran watak atau apa-apa yang difikirkan berdasarkan kategori fikiran langsung. Oleh itu, pengarang memanfaatkan watak Aleya untuk menceritakan perasaannya yang tidak boleh dibincangkan secara terbuka kerana kedudukannya sebagai wanita dan isteri yang dianiaya suami manakala bagi watak Syed Aizril, pengarang mengukuhkan sifat pemaarah dan egonya. Pilihan pengarang ini menghasilkan

kesan emosi darjah tinggi kepada plot-plot klimaks kerana data kajian ini merupakan latar kepada permulaan konflik.

Pengarang *Andai Itu Takdirnya* mempersembahkan fikiran dua watak, Syed Aizril dan Nur Aleya dalam struktur yang mirip dengan dialog walaupun kategori ini mempersembahkan perkara yang berada dalam kognitif watak. Dalam teks *Andai Itu Takdirnya*, pengarang melaporkan fikiran watak secara langsung, iaitu memetik fikiran sebenar watak tanpa tapisan pengarang dan seolah-olah watak yang menyampaikan fikiran mereka. Dalam fikiran langsung, pengarang mempersembahkan tanda dan tindakan yang menunjukkan kognitif watak (Zoodranj et al., 2024). Pengarang *Andai Itu Takdirnya* cenderung menggunakan kategori fikiran langsung untuk menyatakan tanggapan dan perasaan watak terhadap seseorang mahupun sesuatu yang tidak dilontarkan secara verbal kerana faktor tertentu. Perbincangan di bawah akan menghuraikan pola dan strategi fikiran langsung pengarang *Andai Itu Takdirnya* sekaligus membincangkan kesan pilihannya kepada teks dan gaya pengarang.

POLA DAN STRATEGI FIKIRAN LANGSUNG

Sebagaimana yang disebutkan di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengarang *Andai Itu Takdirnya* tidak terikat kepada penggunaan kata kerja mental tipikal seperti *fikir* dalam mempersembahkan fikiran watak. Sebaliknya, pengarang memanfaatkan variasi kata kerja yang secara konvensional dikategorikan sebagai kata kerja verbal seperti *ejek*, *bisik*, *gerutu* dan *luah*, yang digandingkan dengan klausa *di dalam hati* atau *dalam hati*. Penggunaan ini memperlihatkan satu inovasi stilistik yang signifikan dalam teks Melayu, apabila sempadan antara ujaran verbal dan proses mental menjadi semakin kabur. Misalnya:

- (1) Leya ... Leyaa ... kesian kau. Walaupun seribu kebaikan taburkan pada aku namun tak mampu membuka pintu hati ni untuk kau. Kalau pada nama ayah kau ada Dato' atau Tan Sri boleh jugak aku pertimbangkan. Huh, ada jugak perempuan yang lurus bendul macam ni, ejek Syed Aizril di dalam hati. [FLSA1, 2, 16]
- (2) Bukan semudah tu aku nak lepaskan kau Leya, bukan semudah tu, bisiknya dalam hati. [FLSA2, 4, 36]

Berdasarkan contoh (1) dan (2), pengarang menggunakan leksikal *ejek* dan *bisik* yang merupakan kata kerja verbal (-mental) tetapi digunakan oleh pengarang untuk menyatakan pemikiran watak. Kata kerja verbal merujuk kata yang melibatkan aspek pertuturan atau berlakunya lontaran ujaran. Namun, dalam contoh (1) dan (2) tidak berlakunya sebarang pengeluaran ujaran mahupun lontaran suara dan ujaran di atas hanya berlaku dalam kognitif watak. Pengarang *Andai Itu Takdirnya* menggunakan leksikal *ejek* dan *bisik* untuk menyatakan emosi dan tanggapan watak pada ketika ujaran difikirkan. Sesuatu yang menarik dapat dilihat dalam kajian ini apabila pengarang menggunakan keterangan *di dalam hati* atau *dalam hati* untuk menyatakan kepada pembaca ujaran ini berlaku dalam mental watak dan tidak diluahkan. Gandingan kata kerja verbal (*ejek*, *bisik*) + klausa *di dalam hati* dan *dalam hati* dalam contoh di atas menjadi penanda bahawa ujaran ini milik kategori fikiran langsung, iaitu kategori yang mempersembahkan ujaran dalaman watak.

Nishio (2005) menyatakan bahawa laporan ujaran dan fikiran watak memberi kesan kepada pilihan kata kerja dalam klausa pelapor. Dalam konteks contoh di atas, penggunaan leksikal *ejek* bukan sekadar menandakan kandungan fikiran, tetapi berfungsi sebagai mekanisme stilistik yang

memprojeeksikan emosi watak, sekali gus memperkukuh pembinaan sifat watak melalui dimensi kognitif yang tidak diluahkan secara verbal. Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan kata kerja dalam klausa pelapor bukan bersifat arbitrari, sebaliknya merupakan strategi bermotivasi yang membentuk hubungan langsung antara struktur linguistik dan kesan psikologi watak.

Leksikal *bisik* dalam contoh (2) menunjukkan watak bermonolog sendiri tetapi tidak wujud sebarang lontaran dialog. Kata kerja verbal *bisik* tidak mendukung sebarang makna tambahan lain namun penggunaan leksikal ini yang digandingkan dengan klausa *di dalam hati* membawa maksud watak sedang berkata-kata sendiri tentang tindakannya dan perasaannya pada masa hadapan tentang sesuatu. Fenomena ini menunjukkan bahawa kata kerja dalam klausa pelapor tidak sekadar berfungsi sebagai penanda kategori fikiran, tetapi turut memainkan peranan sebagai mekanisme stilistik yang membentuk dimensi evaluatif dan emosi dalam naratif. Hal ini memperlihatkan bahawa pemilihan leksikal dalam klausa pelapor adalah bermotivasi dan berfungsi sebagai strategi untuk memperkukuh pembinaan karakter melalui representasi kognitif.

Tambahan pula, gandingan kata kerja verbal dengan klausa *di dalam hati* berfungsi sebagai penanda eksplisit bahawa ujaran tersebut berlaku dalam domain kognitif dan bukan dalam bentuk ujaran verbal. Strategi ini bukan sahaja membantu pembaca membezakan antara ujaran luaran dan dalaman, tetapi juga meningkatkan tahap kejelasan interpretatif terhadap keadaan psikologi watak. Dengan kata lain, struktur ini berperanan sebagai alat pengawalan makna yang memastikan pembaca menafsir ujaran tersebut sebagai refleksi dalaman watak, sekali gus meningkatkan kesan realistik dalam teks.

Seterusnya, dalam contoh di bawah memperlihatkan Syed Aizril terus-menerus bersangka buruk kepada isterinya, Aleya. Perhatikan contoh (3) dan (4):

- (3) Tak habis berlakon, gerutu Syed Azril dalam hati. [FLSA, 73, 8]
- (4) Nak tunjuk baik konon, Syed Aizril menggerutu di dalam hati. [FLSA, 77, 8]

Pemaparan fikiran langsung Syed Aizril ini berada dalam bab semasa konflik mula berlaku apabila Syed Aizril merasakan dia diperangkap oleh Nur Aleya untuk berkahwin dengannya. Setiap tindakan mahupun ujaran yang dilontarkan oleh Nur Aleya mendatangkan rasa tidak puas hati kepada Syed Aizril. Leksikal *gerutu* yang digunakan oleh pengarang menandakan pandangan mahupun tanggapan negatif Syed Aizril tentang Aleya. *Gerutu* menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020) ialah pengujar banyak mengeluarkan kata-kata kerana marah, atau bersungut-sungut. Jelas, Syed Aizril sedang melempiaskan kemarahannya secara kognitif kepada Aleya. Pengarang *Andai Itu Takdirnya* sekali lagi menggandingkan kata kerja verbal (*gerutu*) dengan klausa *dalam hati* dan *di dalam hati* untuk menandakan pernyataan fikiran. Mohammad Fadzeli Jaafar (2024) menyatakan klausa *di dalam hati* atau *dalam hati* merupakan bentuk lain untuk mempersembahkan fikiran langsung. Teknik ini memperlihatkan kekreatifan pilihan bahasa pengarang teks Melayu untuk mempersembahkan teks.

Contoh (3) dan (4), kedua-duanya menggunakan kata kerja *gerutu* tetapi dalam dua bentuk yang berbeza, satunya dalam kata kerja dasar *gerutu* (contoh 3) dan kata kerja terbitan *menggerutu* (contoh 4). Struktur 'fikir X' lebih dominan digunakan oleh pengarang teks *Andai Itu Takdirnya* untuk menyampaikan fikiran langsung watak. Hal ini disebabkan pengarang bermotivasi untuk menonjolkan leksikal *gerutu* atau kata kerja lain untuk mengutamakan makna ujaran sebelum maklumat pengujar. Kajian Mohammad Fadzeli Jaafar (2016) juga menemukan teks klasik *Hikayat Hang Tuah* juga menggunakan struktur sebegini untuk tujuan menyampaikan maklumat lama dan maklumat baharu. Dapatan ini menunjukkan pengarang teks Melayu memanfaatkan

unsur bahasa tertentu untuk tujuan tertentu dan kesinambungan gaya pengarang Melayu daripada teks klasik kepada teks moden.

Dari segi konvensi, contoh (1) hingga (4) memperlihatkan pengarang meletakkan tanda koma selepas laporan fikiran watak. Gaya ini lazim digunakan pengarang teks kreatif sekiranya klausa pelapor akhir digunakan seperti dapatan dalam kajian Leech dan Short (1981), Short (1996), Toolan (1998) dan kajian terkini daripada Hanif et, al. (2023), Mohammad Fadzeli Jaafar (2024). Klausa pelapor ialah klausa yang berfungsi untuk membekalkan maklumat siapa bertutur atau berfikir.

Greenbaum dan Nelson (2002) menyatakan terdapat tiga kedudukan klausa pelapor yang boleh dimanfaatkan pengarang teks kreatif, iaitu posisi awal, posisi tengah dan posisi akhir. Pipalova, R. (2012) menegaskan kedudukan klausa pelapor ini bersifat bebas dan bergantung pada tujuan dan makna pilihan pengarang. Bagi memahami kedudukan klausa pelapor awal, tengah dan akhir dengan mudah, sila perhatikan rajah berikut:

JADUAL 2. Kedudukan Klausa Pelapor (Greenbaum dan Nelson, 2002)

Kedudukan	Pola
awal	X berfikir + “ujaran”
tengah	“Ujaran” + x berfikir + “ujaran”
akhir	“Ujaran” + x berfikir

Jadual 2 menunjukkan struktur kedudukan klausa pelapor awal, tengah dan akhir. X dalam konteks pola di atas merujuk maklumat penutur iaitu watak yang terlibat dalam lontaran dialog dan pernyataan fikiran. Kedudukan awal memperlihatkan maklumat penutur dan kata kerja dalam klausa pelapor sama ada kata kerja lazim seperti *kata* dan *fikir* beserta maklumat tambahan hadir sebelum laporan ujaran dan fikiran watak. Kebiasannya, kehadiran klausa pelapor awal dimanfaatkan dalam ujaran langsung oleh pengarang untuk tujuan mencelah dan memulakan perbualan. Klausa pelapor awal menurut Lacaze (2013), ialah gaya yang sudah ketinggalan zaman dan tidak digunakan oleh pengarang moden. Hal ini terbukti apabila kajian-kajian terkini termasuk kajian pengkaji menemukan pengarang teks moden terutama teks fiksyen lazim menggunakan klausa pelapor akhir, iaitu klausa pelapor hadir selepas ujaran/fikiran watak. Setreusnya, kedudukan pola tengah dikatakan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2016) digunakan pengarang untuk mengawal cerita. Klausa pelapor tengah memperlihatkan klausa pelapor diapit iaitu hadirnya ujaran/fikiran watak sebelum dan selepas *X berfikir*.

Pengarang teks *Andai Itu Takdirnya* dominan menggunakan kedudukan pola akhir untuk kategori fikiran langsung, iaitu kata kerja mental serta maklumat X hadir selepas pernyataan fikiran watak. Klausa pelapor akhir menurut Ieko (2001) merupakan kedudukan klausa pelapor yang sering menjadi perhatian dalam genre fiksyen. Dalam kajian Hasnoor Shima (2022), klausa pelapor ini dominan dalam teks keagamaan dan pengarang yang menggunakan klausa pelapor akhir mendahulukan ujaran berbanding maklumat penguji. Hal ini disebabkan maklumat penguji boleh diperolehi daripada naratif dan juga susunan cerita yang konsisten.

Klausa pelapor akhir dalam teks *Andai Itu Takdirnya* berfungsi untuk menghadirkan maklumat emosi darjah tinggi kepada pembaca. Misalnya dalam contoh (i), pengarang menggunakan leksikal *luah* bergandingan dengan klausa *di dalam hati* untuk melaporkan fikiran langsung watak Aleya. Dalam contoh tersebut, Aleya bermonolog sendiri secara kognitif tentang nasibnya yang diperlakukan kejam oleh suami sendiri (ditiduri secara paksaan) dan perasaannya pada ketika itu yang disembunyikan daripada kawan baiknya, Umairah. Leksikal *luah* membawa maksud kata-kata (perasaan) yang dikeluarkan atau dilahirkan (*Kamus Dewan Perdana*, 2020).

Dalam konteks ini, leksikal *luah* yang digunakan menceritakan perasaan sedih yang tidak dikeluarkan secara verbal dan merupakan satu bentuk tindak balas secara kognitif. Kepanjangkan kandungan fikiran watak juga selari dengan makna *luah* itu yang memberi kesan kepada pembaca untuk merasai emosi Aleya dengan jelas dan mendalam. Perhatikan contoh lain di bawah untuk menimbulkan kesan dramatik:

(5) Agaknya, kalau aku mati baru dia puas, keluh Aleya di dalam hati [FLA, 10, 87].

Contoh (5) merupakan ujaran yang hanya berlaku dalam fikiran Aleya. Ujaran ini terbentuk ketika Aleya berhadapan dengan suaminya, Syed Aizril. Dalam ujaran (5), Aleya beranggapan sendiri tentang tindakan Syed Aizril yang mendera fizikal dan menyakiti perasaannya dengan hinaan dari awal perkahwinan. Pengarang menggunakan leksikal *keluh* dalam klausa pelapor tersebut untuk memberitahu emosi sedih Aleya ketika berhadapan dengan suaminya Syed Aizril. Kata kerja verbal *keluh* bermaksud pengujar mengeluarkan rasa hati yang berkaitan dengan kesusahan dan penderitaan melalui kata-kata. Namun, dalam contoh (5), pengarang menggunakan klausa *di dalam hati* menunjukkan watak (Aleya) memendam perasaannya dan kedudukan klausa pelapor akhir yang digunakan pengarang membolehkan kandungan ujaran difahami dahulu sebelum kata kerja dalam klausa pelapor akhir mengukuhkan makna kandungan fikiran watak.

Selain berperanan untuk mewujudkan kesan dramatik, klausa pelapor akhir dalam data kajian ini juga bertujuan untuk menunjukkan sifat watak yang tidak diperlihatkan secara jelas kepada lawan tutur. Misalnya watak Syed Aizril yang disifatkan seorang yang sombong dan ego melalui tindakannya dan tutur katanya dan sifat ini juga dikekalkan oleh pengarang dalam fikiran langsung seperti dalam contoh berikut:

(6) Ah, aku tak boleh terpedaya dengan permainan perempuan ini lagi, getus Syed Aizril di dalam hati.

(7) Ah, aku tak peduli itu semua. Yang penting, Aleya harus tunduk padaku. Tak apa, malam nanti kau tahulah nasib kau Leya, getus Syed Aizril dalam hati.

Dalam contoh (6) dan (7), pengarang menggunakan leksikal *getus*, iaitu leksikal yang sering digunakan dalam teks kreatif untuk maklumat berkaitan hati (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Pengarang dalam teks *Andai Itu Takdirnya* menggunakan leksikal *getus* untuk fikiran watak Syed Aizril yang tekal menunjukkan sifatnya yang sombong dan ego apabila berhadapan dengan Aleya. Walaupun leksikal *getus* tidak membawa sebarang konotasi emosi negatif namun pengarang cenderung menggunakan leksikal ini untuk pernyataan fikiran watak yang membawa makna kemarahan. Sifat Syed Aizril bukan sahaja boleh dipersembahkan melalui ujaran dan fikiran langsung tetapi melalui kehadiran klausa pelapor. Klausa pelapor akhir dalam teks ini bertujuan menunjukkan sifat watak yang memberi kesan kepada teks dan pembaca. Pembaca memperoleh maklumat tentang sifat watak yang boleh mempengaruhi emosi mereka terutama ketika plot klimaks. Kvantaliani (2014) menyatakan pengarang memberikan kesan realistik apabila menggunakan fikiran langsung dalam teks. Perhatikan pula contoh di bawah:

(8) Ampulah selagi korang terlarat nak ampu, getus Aleya di dalam hati.

(9) Nak kena mamat ni, dengus Aleya di dalam hati.

Contoh (8) dan (9) milik watak Aleya, gadis yang disifatkan seorang yang penyabar dan lontaran dialognya mempersembahkan sifat yang boleh menimbulkan kesan simpati kepada pembaca. Namun, pernyataan fikiran Aleya menunjukkan sifat yang berlawanan iaitu sifat memberontak dan melawan dalam diam tindakan mahupun percakapan lawan tutur. Pengarang menggunakan leksikal *dengus* yang membawa maksud melahirkan perasaan marah dan dalam konteks contoh (9), kognitif Aleya menunjukkan perasaannya yang tidak dikeluarkan secara verbal tetapi dipendam. Aleya memarahi Syed Aizril secara kognitif kerana tindakan Syed Aizril yang sewenang-wenangnya mengarahkan Aleya melakukan tugas dan membentangi tugas bagi pihaknya. Contoh (8) pula menunjukkan Aleya tidak berupaya memarahi rakan-rakan Syed Aizril yang menghinanya dan berterusan menyebelahi Aleya. Seperti dinyatakan walaupun leksikal *getus* tidak mendukung makna kemarahan namun dalam teks *Andai Itu Takdirnya*, pengarang gemar menggunakan leksikal ini untuk kognitif yang menunjukkan kemarahan mahupun unsur emosi negatif. Klausa pelapor akhir yang dilengkapi dengan klausa yang menepati makna fikiran watak menyerlahkan sifat watak yang tidak dapat digambarkan melalui ujaran watak.

Setakat ini, perbincangan memaparkan dan membincangkan pilihan struktur dan konvensi teks *Andai Itu Takdirnya* yang menggunakan kata kerja verbal mental yang digandingkan dengan klausa *di dalam hati* dan *dalam hati* untuk melaporkan fikiran langsung watak Aleya dan Syed Aizril. Kedua-dua fikiran langsung bagi kedua-dua watak memperlihatkan pengarang cenderung menggunakan kata kerja verbal mental berbanding kata kerja mental tipikal seperti *fikir*. Selain itu, pengarang teks ini tidak menggunakan tanda petikan berganda mahupun tunggal untuk menulis fikiran langsung watak. Short (1996) juga menyatakan gaya ini adalah sinonim dengan fikiran langsung, tanpa tanda petik. Gaya pilihan pengarang ini memudahkan pembaca membezakan dialog watak dan fikiran watak selain ketekalan menggunakan tanda baca koma (,) sebelum pelaporan klausa pelapor menunjukkan kecenderungan pengarang menghasilkan teks yang seragam penyampaiannya.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja mental tipikal seperti *fikir* adalah lebih terhad dan cenderung digunakan dalam konteks yang bersifat neutral, khususnya apabila watak membuat inferens atau pemerhatian terhadap watak lain. Misalnya:

- (10) Mungkin dia juga menghadiri temu duga yang sama, fikir Aleya.
- (11) Pasti bibik masih tidak tahu status sebenar Aleya di dalam rumah mewah ini, fikir Aleya di dalam hati.

Klausa pelapor *fikir* merupakan gaya tipikal pengarang menggambarkan fikiran langsung watak. Dalam bahasa Inggeris, leksikal *think* and *thought* ialah kata kerja tipikal kognitif digunakan pengarang untuk melaporkan fikiran watak secara langsung (Short, 1996; Halliday, 2004; Leech dan Short, 2007, Toolan, 1998, Ajmal & Afsar, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa pengarang secara sedar membezakan fungsi leksikal berdasarkan konteks naratif, di mana kata kerja neutral digunakan untuk representasi kognitif tanpa muatan emosi, manakala kata kerja verbal-mental digunakan untuk menyampaikan keadaan afeksi watak. Perbezaan ini memperlihatkan tahap kawalan stilistik yang tinggi dalam pengurusan naratif

Contoh (10) berlangsung dalam fikiran Aleya semasa menghadiri temu duga di syarikat milik Syed Aizril. Aleya menyaksikan terdapat banyak calon lain sedang menanti giliran untuk ditemu duga dan Aleya beranggapan bahawa lelaki yang duduk di sebelahnya juga mempunyai tujuan yang sama. Dalam contoh (10) ini tidak melibatkan sebarang emosi tambahan dan hanya merupakan satu bentuk kognitif watak terhadap watak lain. Contoh (11) juga merupakan satu lagi

bentuk kognitif Aleya yang tidak melibatkan perasaan terhadap bibik, iaitu pembantu rumah Syed Aizril. Kognitif Aleya terbentuk apabila melihat layanan bibik yang baik dan mesra terhadapnya walaupun seluruh keluarga Syed Aizril menghina dan menganggapnya perempuan murahan yang memerangkap Syed Aizril. Dalam data kajian, kata kerja mental lazim hanya digunakan secara minimum oleh pengarang. Hal ini membuktikan pengarang teks kreatif *Andai Itu Takdirnya* tidak terikat dengan kelaziman dan mempelbagaikan penggunaan kata kerja dalam klausa pelapor.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memperlihatkan penemuan signifikan untuk menghuraikan gaya fikiran, khususnya fikiran langsung dalam teks prosa Melayu. Pertama, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja dalam klausa pelapor tidak terhad kepada bentuk mental tipikal seperti *fikir*, sebaliknya diperluas kepada kata kerja verbal emosi seperti *ejek*, *gerutu*, *bisik*, *luah*. Apabila digandingkan dengan klausa *di dalam hati*, pemilihan leksikal ini membentuk penyampaian fikiran langsung dinamik, dan meningkatkan kesan emosi dalam pembinaan pengalaman dan kognitif watak. Dapatan ini selari dengan perbincangan yang menunjukkan bahawa pilihan leksikal pengarang berfungsi sebagai unsur penting dalam mengawal kesan emosi teks. Penggunaan adverba *di dalam hati* dalam teks *Andai Itu Takdirnya* menunjukkan kesinambungan gaya pengarang Melayu mempersembahkan fikiran watak dalam teks kreatif apabila teknik ini telah digunakan dalam teks terdahulu dan membuktikan pengarang teks Melayu cenderung memanfaatkan unsur bahasa tertentu untuk membentuk makna teks.

Kedua, dominasi klausa pelapor pada kedudukan akhir memperlihatkan strategi sintaktik yang mengutamakan kandungan fikiran watak sebelum diperkukuh dan diperjelas melalui maklumat tambahan. Struktur ini seperti dibincangkan membolehkan pembaca memproses penyampaian fikiran watak secara langsung sebelum ditambah dengan elemen emosi dalam klausa pelapor. Penggunaan kata kerja yang membawa makna afeksi pada kedudukan akhir memperkukuh kesan dramatik dan keadaan psikologi watak serta sifat watak. Hal ini mengesahkan bahawa hubungan antara bentuk sintaktik dan pilihan leksikal memainkan peranan yang signifikan dalam menghasilkan kesan dramatik dan realistik yang tinggi.

Kajian ini menyumbang kepada rujukan kajian gaya fikiran dalam analisis stilistik terutama dalam konteks sastera Melayu dengan secara sistematik dan holistik. Kajian gaya fikiran ini menyediakan satu pendekatan untuk menganalisis cara pengarang mempersembahkan fikiran watak, merangkumi gabungan analisis makro (pola dan fungsi ujaran) dan analisis mikro (klausa pelapor). Dengan menganalisis struktur dalaman iaitu jenis kata kerja dan kedudukan klausa pelapor, kajian ini menunjukkan bahawa unsur linguistik berperanan penting untuk membentuk naratif yang realistik, pembinaan emosi dan watak dan pengalaman pembaca. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa klausa pelapor bukan sekadar satu penanda kepada ciri kategori ujaran dan fikiran dan juga bukan hadir untuk melaporkan ujaran semata, tetapi merupakan satu pilihan stilistik yang signifikan dalam membentuk makna serta hubungan antara pengarang, watak dan pembaca. Kajian ini bukan sahaja memperluas skop analisis stilistik, malah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang cara makna dibina dalam teks sastera melalui pilihan bahasa yang bermotivasi.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada bidang stilistik dengan memperlihatkan bahawa klausa pelapor merupakan komponen linguistik mikro yang aktif dalam pembinaan makna, emosi dan karakter, dan bukan sekadar unsur pelaporan. Kajian ini juga

memperkenalkan kerangka analisis yang menghubungkan pola struktur dengan strategi linguistik secara sistematis, sekali gus memperluas pendekatan gaya fikiran melangkaui tahap pengkategorian kepada analisis mekanisme pembinaan kesan stilistik. Dalam konteks sastera Melayu, dapatan ini memperkukuh pemahaman bahawa pilihan bahasa pengarang bersifat bermotivasi dan berfungsi dalam membentuk pengalaman pembaca secara lebih realistik dan dramatik.

RUJUKAN

- Adiningtyas, V. (2020). Thought Presentation in Veronica Roth's *Divergent: Stylistic Analysis*. *Journal of English Language and Culture*, 11(1), 39-51
- Ahmed Zebari & Mohammadzadeh. (2021). Speech and Thought Presentation in *Chance* by Alice Munro: A Stylistic Analysis. *Advance in Language and Literary Studies*, 12(1), 77-83
- Ahmed Zebari & Mohammadzadeh. (2023). Speech and Thought Presentation in *Soon* by Alice Munro. A Stylistic Analysis. *International Journal of English Literature and Sosial Sciences*, 8(1), 122-129.
- Ajmal, M. & Afsar, A. (2020). A Corpus Stylistic Analysis of Speech and Thought Presentation in James Joyce's *Dubliners*. *International Journal of English Linguistics*. 10 (1), 277-292.
- Aljazrawi, A.D., & Aljazrawi, A.Z. (2024). A rhetorical stylistic analysis of selected proverbs from the *Book of Proverbs*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 24 (4), 284-302. <http://doi.org/10.17576/gema-2024-2404-15>
- Anon. 2023. Penangan Drama, Novel Andai Itu Takdirnya Dicitak Semula. *Berita Harian*, Jun 2023.
- Bray, J. 2014. Speech and Thought Presentation in Stylistics. Dlm. *The Routledge Handbook of Stylistics*. Burke, M (pny.). London: Routledge
- Burke, M. 2014. Stylistic: From classical Rhetoric tp Cognitive Neuroscience. Dlm. *The Routledge Handbook of Stylistics*. Burke, M. (pny.). London: Routledge.
- Greenbaum, S. & Nelson, G. (2002). *An Introduction to English Grammar*. Great Britain: Pearson Education Limited.
- Hafizah Iszahanid. (2016). "Rindu Awak Separuh Nyawa" Taruhan terbaik Siti Rosmizah. *Berita Harian*, 28 Julai.
- Halliday, M.A.K. (2004). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Hanif, N., Ajmal, M., & Masum, R. (2023). Unveiling Voices: A stylistic analysis of speech and thought presentation in Khaled Hosseini's *A Thousand Splendid Suns*. *Pakistan Journal of Humanities and Social Science* (11): 3507-3519.
- Hasnoor Shima. (2022). Klausa Pelapor dalam Novel Sejarah Islam: Dari Sudut Pandang Stilistik. *Aliansi: Jurnal Politik, Keamanan dan Hubungan Internasional*, 483-487.
- Ikeo, R. (2001). The positions of reporting clauses of speech presentation with special reference to the Lancaster Speech, Thought and Writing Presentation Corpus. Conference Proceedings Lancaster University.
- Istianah, A. (2018). Speech and Thought Presentation in Jhumpa Lahiri's *Interpreter of Maladies*. *ELITE Journal*, 5 (2), 1-13.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lacaze, G. (2013). Word order in utterances of direct speech in English: A subtle balance between conventions and innovation. *E-rea Journal*, 11 (1), 2-16.
- Lawal, H. (2022). Speech and Thought Presentation in Contemporary African Literature: A Stylistic Approach. *Sokoto Journal of Language, Literature, and Linguistics*, 2, 85-100
- Leech, G., & Short, M. (1981). *Style in Fiction: A Linguistic Introduction to English Fictional Prose (1st ed.)* London: Longman.
- Leech, G., Deuchar, M. & Hoogenraad, R. (1993). *English Grammar for Today: A New Introduction*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Mahmoud, A.N. (2019). Thought Presentation in Nicholas Sparks the *Guardian*: A Stylistic Analysis. *Journal of English and Comparative Studies*, (1), 344-356
- Mohd Shahremy Ikmal. (2021). Kecenderungan neurotisme melalui karakteristik emosional dalam personaliti watak karya kreatif. *Malay Literature Dewan Bahasa dan Pustaka*. 34 (1), 129-152
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2006). Gaya Hipotaksis dan Parataksis: Suatu Analisis Stilistik. *Disertasi Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Petaling Jaya, Selangor.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014). Stilistik. Dlm. *Pengenalan Linguistik: Teoretis dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Gaya ujaran dalam teks kesusasteraan melayu. *Jurnal Komunikasi*. 32(2), 341-361
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2017). *Stilistik dalam Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2024). *Pengenalan Nahu Fungsional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mostafa, H. (2021). A stylistic analysis of Henry Fielding's Tom Jones: A socio-pragmatic review. *Humanities and Social Sciences Communications*, 8(1), 1-21.
- Muneeba & Abbas, H. (2025). Exploring the Stylistic Features of Reporting Clauses in The Alchemist by Paulo Coelho. *Research Journal of Social Affairs*, 3(3), 373-379
- Nishio, M. (2005). The Reporting Clause in Oliver Twist. *Studies in Modern English*, 21, 39-67
- Pipalova, R. (2012). Framing Direct Speech: Reporting Clause in a Contrastive Study. *Prague Journal of English Studies*, 1(1), 75-107.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal & Suhaimi Hj. Muhamad. (2022). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafira, E., Erfiani, D. & Awololon, O.L. (2024). Analysis of Speech and Thought Presentation in Children's Storybook Frozen: A Stylistic Study. *RETORIKA: Jurnal Ilmu Bahasa*, 10(1), 402-414.
- Shahid Ahmad & Shanthi Nadarajan. (2020). Thought presentation in Alice Sebold's the Lovely Bones. *Journal of Language and Literature*. 20(1), 70-79
- Short, M. (1996). *Exploring the Language of Poems, Plays and Prose*. London: Longman.
- Siti Rosmizah Ismail. (2008). *Andai Itu Takdirnya*. Shah Alam: Buku Prima
- Toolan.M. (1998). *Language in Literature: An Introduction to Stylistics*. London: Arnold
- Zoodranj, S., Arshadi, F. & Al-Din Abdi, S. (2024). Representation of Narrative Thoughts in the Novel "Raghse Aljadile Va Alnahr" by Wafaa Abed Al Razzaq on Leech and Short's Theory. *The Journal of New Critical Arabic Literature*, 14(27), 246-269.

PENULIS

Nurul Atiqah Nor Azman ialah pelajar Doktor Falsafah di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sedang menyiapkan penulisan tesis dalam Stilistik. Minat bidang kajian beliau ialah bidang Linguistik Aplikasi dan juga tatabahasa.

Sharifah Raihan Syed Jaafar (Ph.D) ialah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah teori Fonologi dan Morfologi.